

TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF

MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA

PERHIMPUNAN BULANAN

KEMENTERIAN KERJA RAYA

BAGI BULAN JANUARI 2016

PADA

26 JANUARI 2016

(SELASA)

BERTEMPAT DI

DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID

KOMPLEKS KERJA RAYA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

YB Datuk Hajah Rosnah bte Abdul Rashid Shirlin

Timbalan Menteri Kerja Raya

YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia TKSU-TKSU, Ketua-Ketua Agensi, pegawai kanan kementerian dan agensi, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Sehati Sejiwa.

1. Terlebih dahulu sukacita saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah izin dan inayah-nya, maka kita dapat bersama berhimpun pada pagi yang mulia ini. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat baginda.

UCAPAN TAHUN BAHARU 2016

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat tahun baharu 2016 kepada semua warga KKR dan Agensi, semoga tahun 2016 akan lebih sejahtera, makmur dan selamat.

3. Sepanjang tahun 2015, Malaysia telah memainkan peranan lebih besar di pentas dunia iaitu sebagai anggota Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa Bersatu dan pengerusi ASEAN bagi pertubuhan 10 negara di Asia Tenggara. Kita telah menerajui rantau ini untuk sampai ke satu titik perubahan dengan penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN, yang menandakan bermulanya satu era baharu bagi penduduk rantau ini, ASEAN kini adalah ekonomi ke-empat terbesar di dunia.

4. Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada pemimpin dunia di Kuala Lumpur apabila ASEAN dan Amerika Syarikat mengumumkan pembentukan satu perkongsian strategik baharu, manakala hubungan kita dengan China pula menjadi semakin kukuh. Kepimpinan Malaysia mendapat pujian di peringkat antarabangsa, sebagai sebuah negara yang stabil dan toleran, sebagai pemain peranan yang bertanggungjawab di pentas global dan rakan penting dalam usaha memerangi fahaman pelampau.

5. Walaupun ekonomi global dilanda badai yang amat mencabar, tetapi Bank Dunia memuji kita kerana berjaya memastikan dasar makroekonomi kita terus berada dalam keadaan kukuh. Pada 2016, kita menjangka ekonomi negara akan terus berkembang antara 4 dan 5 peratus, dipacu oleh pelaburan swasta dan penggunaan domestik. Tahun ini, Malaysia diletakkan untuk bersaing dengan 70 negara Islam

lain dalam Petunjuk Ekonomi Islam Global – dan Alhamdulillah kita Berjaya memperoleh tempat pertama. Malaysia juga menduduki tempat ke-18 - naik dua anak tangga - dalam Laporan Daya Saing Global Forum Ekonomi Dunia bagi 2015.

6. Ketika menghadapi kemeruapan kewangan global, kerajaan mengambil keputusan tegas dan amat diperlukan bagi memberi perlindungan kepada rakyat kita serta untuk menjamin masa depan negara. Program Transformasi Kerajaan dan Rancangan Malaysia Ke-11 memastikan kita berada di landasan betul untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Namun demikian, tahun 2015 juga menyaksikan munculnya beberapa peristiwa yang belum pernah dihadapi negara ini di peringkat dalam dan luar negara. Malaysia bukanlah satu-satunya negara yang terjejas oleh kejatuhan harga minyak. Bagaimanapun, sebagai sebuah daripada beberapa negara pengeksport penuh minyak di Asia Timur, perkara itu menjejaskan kewangan kita lebih teruk daripada kebanyakan negara lain. Kejatuhan setiap satu dolar Amerika bagi setiap tong minyak bererti kerajaan kita mengalami kemerosotan hasil sebanyak 300 juta ringgit.

7. Dalam senario semasa di mana harga minyak semakin menurun, kerajaan telah mengumumkan untuk melakukan semakan semula bajet yang telah diluluskan. Bajet 2016 digubal berasaskan kepada harga minyak USD45 setong. Namun akhir-akhir ini harga minyak telah menurun menjadi kurang dari USD30 setong. Dua langkah yang akan diambil adalah pertama mengoptimalkan perbelanjaan yang mana ia bukanlah bermaksud sebagai satu langkah austerity dengan memotong atau mengurangkan perbelanjaan tetapi bagaimana setiap ringgit yang ingin kita belanjakan boleh mendatangkan hasil atau pun kesan paling besar.

Kedua ialah bagaimana kita boleh menggunakan daya fikiran kita supaya lebih kreatif dan inovatif bagi meningkatkan lagi produktiviti. Produktiviti yang dimaksudkan adalah bagaimana kita boleh menambahkan usaha yang bukan dengan erti kata kita perlu berkerja keras atau menambah lagi waktu bekerja tetapi menggunakan minda kita untuk berfikir secara inovatif dan kreatif serta mencari penyelesaian.

8. Menyorot kembali cabaran dan dugaan yang ditempuhi negara sepanjang tahun 2015, kita bertarung menghadapi krisis banjir paling buruk dalam sejarah. Selepas itu, negara meratap pilu apabila kejadian gempa bumi di Sabah pada bulan Jun 2015 yang meragut 18 nyawa. Negara juga dikejutkan dengan pembunuhan kejam seorang rakyat negara kita oleh pengganas di selatan Filipina. Kita juga tidak bebas daripada ancaman kumpulan yang dikenali sebagai Islamic State.

9. Dalam menghadapi cabaran ini terutamanya persekitaran ekonomi yang tidak menentu, kerajaan tidak mengambil jalan mudah dan popular. Pengenalan GST adalah antara contoh terbaik. Cukai baharu jarang mendapat sambutan baik. Tetapi, dalam keadaan kejatuhan harga minyak, sekiranya Kerajaan tidak meraih hasil daripada GST, defisit kewangan kita akan terus meningkat lebih seganda iaitu daripada 3.1 peratus kepada 4.8 peratus pada 2016. Ini seterusnya mendorong agensi penarafan antarabangsa menurunkan penarafan bagi Malaysia dan mengakibatkan berlaku peningkatan kadar faedah, mengurangkan keyakinan para pelabur termasuk dari luar negara dan pengurangan peluang pekerjaan secara serius, di samping kesukaran lain yang akan dihadapi rakyat.

Y.Bhg. Dato' Sri/Dato/Tuan/Puan,

10. Projek infrastruktur seperti MRT dan Lebu Raya Pan-Borneo akan meningkatkan aksesibiliti, menghasilkan peluang pekerjaan serta pemangkin ekonomi kawasan setempat, terutama bagi Sabah dan Sarawak. Sebanyak 1.4 bilion ringgit lagi diperuntukkan untuk menambah baik jalan luar bandar di seluruh negara. Kerajaan akan terus menyemak dan memantau dengan rapi semua dasar serta program bagi memastikan ia memberi manfaat secara total kepada rakyat dan tiada rakyat Malaysia akan tersisih apabila negara kita terus melakar kemajuan.

11. Matlamat utama negara bagi 2016 adalah untuk mewujudkan masyarakat yang lebih selamat, lebih makmur dan lebih saksama. Untuk mencapainya, kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil keputusan tegas, tepat dan yang diperlukan walaupun kadangkalanya keputusan tersebut adalah tidak popular. Sekiranya kita dapat mengetepikan unsur yang menjurus kepada perpecahan sesama kita dan mengamalkan kembali prinsip asas rukun negara yang menjadi tiang seri kepada penyatuan rakyat Malaysia, maka saya yakin Tahun 2016 boleh menjadi tahun yang gemilang untuk kita sama-sama bergerak ke hadapan untuk mencapai hasrat dan visi negara sepertimana yang dirancang.

Y.Bhg. Dato' Sri/Dato/Tuan/Puan,

PENCAPAIAN KPI 2015

12. Di kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pegawai-pegawai yang telah memberi komitmen tinggi dan memainkan peranan yang sewajarnya dalam mencapai sasaran yang ditetapkan kerana semua KPI yang dipertanggungjawabkan kepada saya bagi tahun 2015 telah dapat dicapai dengan jayanya dan tiada KPI yang berada di tahap rendah. **Sehingga 31 Disember 2015 prestasi pencapaian KPI KKR adalah sebanyak 105%.**

13. Menyedari pentingnya pengurusan prestasi berasaskan KPI dalam mengukur prestasi sesebuah organisasi, KKR telah mengadakan beberapa siri perbincangan untuk mengukuhkan perancangan dan memantapkan pelaksanaan program-program strategik Kementerian dan Agensi. Hasilnya sebanyak 18 KPI telah dirangka dan dipertanggungjawabkan kepada saya yang terdiri daripada KPI-KPI di bawah bidang utama Minister Key Results Area (MKRA) dan National Key Results Area (NKRA). Penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) tersebut telah diperhalusi dan dipersetujui bersama Pengurusan Tertinggi Kerja Raya setelah mengambilkira pandangan, keupayaan dan kebolehcapaian KPI tersebut.

14. Saya menyeru agar pegawai-pegawai yang terlibat dalam melaksanakan KPI di peringkat Kementerian mahupun Agensi agar menyahut cabaran dan terus mempertingkatkan momentum ini bagi mencapai sasaran yang ditetapkan di samping menambah baik strategi, pelan tindakan dan inisiatif masing-masing. Kita harus memberi fokus kepada produktiviti sebagai pencapaian atau hasil kerja dengan merujuk kepada tiga definisi produktiviti iaitu hasil kerja yang sama dengan kos

yang lebih rendah, hasil kerja bertambah dengan kosnya sama atau hasil kerja bertambah dengan kos yang berkurangan. Ketiga-tiga elemen tersebut merupakan panduan kepada pelaksanaan KPI 2016 dalam memastikan KPI Menteri Kerja Raya memberi outcome yang signifikan kepada kesejahteraan rakyat dan negara.

PENCAPAIAN PROJEK PEMBANGUNAN KKR RMKe-10

15. Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-10 (2011-2015), Kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM16.948 bilion dan sehingga 31 Disember 2015, Kementerian telah membelanjakan sebanyak RM16.814 bilion iaitu 99.2% melibatkan 609 projek fizikal dan non-fizikal di peringkat kajian, rekabentuk dan pembinaan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 374 projek telah siap, 67 projek mendahului jadual, 142 projek mengikut jadual, 11 projek lewat jadual manakala 15 projek masih dalam peringkat perancangan.

16. Antara projek-projek yang telah disiapkan sepanjang tempoh RMKe-10 adalah:

- (i) Jambatan Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah yang menghubungkan Batu Maung di bahagian pulau dan Batu Kawan di tanah besar di Pulau Pinang; dibuka pada 1 Mac 2014 dengan kos pembinaan sejumlah RM4.5 bilion;
- (ii) Lebuhraya Pantai Timur (LPT), sepanjang 184 km bermula dari Jabor, Kemaman hingga ke Kampung Gemuruh, Kuala Terengganu yang merupakan lebuhraya 4 lorong 2 hala

dengan 10 persimpangan bertingkat dan dilengkapi dengan tiga kawasan rehat & rawat, dua hentian sebelah dan tiga stesen timbang JPJ. Lebuhraya ini telah dibuka sepenuhnya kepada lalu lintas pada 31 Januari 2015 dengan kos pembinaan sejumlah RM4.5 bilion;

- (iii) Projek Central Spine Road sebahagian Pakej 3 dari Kg. Kubang Rusa ke Kg. Kechur sepanjang 37.5km dengan kos pembinaan sebanyak RM626 juta;
- (iv) Jambatan Persahabatan di Sungai Pandaruan yang menghubungkan bahagian Limbang di Sarawak dengan wilayah Temburong di Negara Brunei Darussalam;
- (v) Projek Naiktaraf Jalan Sapulut – Kalabakan sepanjang 145 km yang merupakan sebahagian daripada rangkaian jalan utama di Sabah;
- (vi) Pembinaan Pelebaran Lorong Ke-4, Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) Kos: RM 1.44 billion;
- (vii) Persimpangan Bertingkat Sungai Buaya di Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) Kos: RM 86.6 juta;
- (viii) Persimpangan Bertingkat Bukit Gambir di Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) Kos : RM 91 juta;
- (ix) Susur keluar Kundang di Lebuhraya Kuala Lumpur-Kuala Selangor (LATAR) Kos: RM 27.6 juta;

- (x) Persimpangan Bertingkat Ainsdale di Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) Kos: RM 130 juta; dan
- (xi) Persimpangan Bertingkat Seri Kembangan di Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya (MEX) Kos: RM 132 juta

17. Dalam usaha untuk meningkatkan perhubungan dan menambah baik jaringan jalan raya, Kerajaan telah mengumumkan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo yang bakal memberi manfaat kepada negeri Sabah dan Sarawak. Pada masa ini, 2 projek Lebuhraya Pan Borneo secara PDP (Project Delivery Partner) dan DE telah dilancarkan iaitu:

- (i) Projek pembinaan jalan dari Telok Melano ke Sematan sepanjang 32.7 kilometer dengan kos RM580 juta dan dijangka siap akhir tahun 2018.
- (ii) Projek pembinaan jalan dari Nyabau – Bakun sejauh 43 kilometer dengan kos RM637 juta dan dijangka siap akhir tahun 2017.

Y.Bhg. Dato' Sri/Dato/Tuan/Puan,

PENYENGGARAN JALAN PERSEKUTUAN

18. Sepanjang tempoh lima tahun (2011 – 2015), sejumlah RM 4.093 billion telah diperuntukkan bagi kerja-kerja penyenggaraan jalan Persekutuan di seluruh negara. Panjang jalan Persekutuan seluruh negara yang disenggara ialah 17,570 km iaitu 14,529 km jalan Semenanjung dan 3,041 km jalan Sabah/Sarawak dan Labuan.

19. Akibat daripada langkah rasionalisasi perbelanjaan kerajaan pada ketika ini, cabaran utama KKR pada tahun 2016 ialah peruntukan yang diterima bagi tujuan penyenggaraan jalan Persekutuan berjumlah RM540 juta adalah kurang jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelum ini. Jumlah tersebut hanya dapat menampung perbelanjaan bagi kerja-kerja rutin di dalam skop kerja Perjanjian Konsesi dan beberapa kerja pembaikan kecil sahaja.

20. KKR kini sedang berusaha untuk mendapatkan peruntukan tambahan daripada Kementerian Kewangan (MOF) bagi menampung perbelanjaan lain terutamanya bagi kerja-kerja berkala pavement dan kerja-kerja pembaikan kecil lain yang perlu dilaksanakan. Bagi mengatasi masalah ini, beberapa inisiatif perlu diambil oleh KKR dan JKR dengan melakukan inovasi dalam pelaksanaan kerja. Setiap kerja perlu disiapkan menggunakan kos yang minimum dan dalam menepati tempoh yang ditetapkan. Semua perbelanjaan perlu dilakukan secara berhemah dan tidak melebihi peruntukan yang diluluskan.

21. Selain itu, dalam meningkatkan mutu perkhidmatan penyenggaraan, KKR sedang mengubahsuai kontrak penyenggaraan jalan Persekutuan sedia ada yang bersifat konvensional atau *time-based* kepada pelaksanaan Kontrak Berasaskan Prestasi atau *Performance Based Contract* (PBC) yang merupakan satu piawaian prestasi baru. Pelaksanaan PBC ini dijangka dilaksanakan secara berfasa di jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia bermula di zon Selatan pada tahun 2017. Pada masa ini pihak perunding dan KKR sedang giat berusaha melakukan kajian dan pengumpulan maklumat bagi tujuan tersebut.

PENCAPAIAN PROJEK KEMENTERIAN PELANGGAN 2015

22. Di dalam RMKe-10, JKR telah menerima peruntukan sebanyak RM31.338 bilion yang terdiri daripada RM26.575 bilion peruntukan pembangunan dan RM4.763 bilion daripada sumber peruntukan bukan pembangunan seperti *Private Financing Initiative* (PFI), Akaun Amanah dan Badan-badan Berkanun. Daripada RM31.338 bilion yang diperuntukkan dalam RMKe-10, JKR telah membelanjakan sebanyak RM30.123 bilion (96%).

23. Bagi prestasi fizikal pula, sehingga penghujung RMKe-10, JKR telah melaksanakan 5,498 projek. Daripada bilangan ini, JKR telah menyiapkan 4,764 (86%) projek berkenaan. Di antara projek-projek utama yang telah disiapkan oleh JKR dalam RMKe-10 adalah :

- (i) Istitut Kanser Negara berjumlah RM 700 juta;
- (ii) Kompleks Istana Negara berjumlah RM 850 juta;
- (iii) Kedutaan Malaysia di New Delhi, India dan Islamabad, Pakistan;
- (iv) Hospital Shah Alam;
- (v) Blok Baru Menara Kerja Raya;
- (vi) Kerja-kerja naiktaraf di Hospital Kuala Lumpur;
- (vii) Fakulti Pergigian UiTM Sg. Buloh, Selangor.

24. Baki sebanyak 367 projek (7%) masih dalam peringkat pra-pembinaan manakala 367 projek (7%) juga sedang dalam peringkat pembinaan.

25. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa agenda utama kita di tahun 2016 ialah merentas semua halangan dan cabaran untuk kita berkembang maju. Dalam erti kata yang lain, kita perlu beroperasi dalam keadaan di mana sumber-sumber adalah terhad (*scarcity of resources*) dengan '*doing more with less*'. KKR dan semua agensi di bawahnya perlu bertindak lebih agresif dengan memperkasa penyampaian perkhidmatan serta mencari peluang untuk mewujudkan sinergi yang lebih berkesan. Kecemerlangan penyampaian projek wajib menjadi fokus utama. Penerapan budaya berinovasi perlu ditingkatkan demi kelangsungan dan nilai tambah kualiti penyampaian kita. Ambil iktibar dan pengajaran dari pengalaman yang lalu dan belajar daripada kesilapan kita.

Y.Bhg. Dato' Sri/Dato/Tuan/Puan,

PROJEK LEBUH RAYA

26. Seperti yang kita sedia maklum, lebuhraya memberikan banyak faedah dan telah terbukti sebagai pemangkin pembangunan. Rangkaian lebuhraya di negara ini adalah merupakan satu keperluan dan elemen penting untuk menggerakkan nadi pembangunan, ekonomi dan infrastruktur negara.

27. Selain daripada senarai lebuhraya sedia ada yang akan dibangunkan di bawah perancangan RMKe-11, kementerian melalui

Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) juga giat meneliti dan merancang serta mencari kawasan baru jajaran lebuhraya untuk dibangunkan sebagai kemudahan kepada rakyat setempat. Setiap perancangan dalam pembinaan lebuhraya baru ini juga menitikberatkan kelestarian pembangunan dari aspek kos pembinaan, kualiti pembinaan dan kesan terhadap alam sekitar dan sosial serta “*value for money*”.

28. Perancangan dalam pembinaan lebuhraya yang teliti ini juga adalah merupakan satu lagi komitmen dan kesungguhan Kerajaan Persekutuan dalam merangka perancangan pembangunan negara yang bukan sahaja strategik malah memenuhi aspirasi rakyat. Kerajaan juga merancang menghubungkan rangkaian lebuhraya yang bakal dibina pada masa hadapan dengan sistem pengangkutan awam. Dengan ini, rakyat lebih mudah untuk mengakses kemudahan pengangkutan awam yang disediakan sekaligus dapat mengurangkan jumlah kenderaan persendirian di atas jalan raya dan meningkatkan bilangan penggunaan pengangkutan awam di negara kita.

Y.Bhg. Dato’ Sri/Dato/Tuan/Puan,

PROGRAM RAKAN KKR (MEDIA SOSIAL)

29. Perkembangan teknologi komunikasi dewasa ini telah memberi impak dan pengaruh yang sangat berkuasa kepada komoditi dunia. Penggunaan laman sosial seperti *facebook*, *twitter*, *Instagram* dan sebagainya telah berkembang dengan mendadak saban tahun dan ini tidak terkecuali di negara kita. Menurut kajian antarabangsa, sebanyak 64% penduduk adalah pengguna media sosial. Sudah tentu, melalui platform ini, isu kebebasan bersuara melalui laman sosial ini telah

meninggalkan impak yang positif mahupun sebaliknya. Maka jika pengaruh media sosial ini tidak ditangani dengan bijaksana, ia akan mewujudkan persepsi yang negatif terhadap individu, organisasi dan kerajaan yang sukar dikawal dan dibendung.

30. Namun begitu, saya percaya, jika media sosial diurustadbir dengan bijak, sudah tentu ianya akan memberi impak yang positif khususnya dalam aktiviti promosi dan penjenamaan korporat KKR. Justeru, dalam usaha KKR mengoptimumkan penggunaan media sosial khususnya dalam aspek hubung jalin (*engagement*) berterusan dengan rakyat, KKR telah menubuhkan RakanKKR iaitu satu platform komuniti bebas yang membolehkan orang awam berbincang dan memberi pandangan secara terus kepada KKR dan agensinya.

31. Selain itu, peranan RakanKKR juga adalah menjadi mata dan telinga KKR dalam berkongsi dan menyampaikan maklumat berkenaan sistem penyampaian KKR di media sosial. Untuk makluman, disamping akaun twitter RakanKKR, Page rasmi RakanKKR telah dibuka pada 12 Januari 2016. Saya turut difahamkan mengenai satu posting mengenai Kenali Jalan Raya Kita di page RakanKKR telah mendapat capaian (*reach*) melebihi 78 ribu dan share melebihi 400 perkongsian dalam tempoh seminggu sahaja. Ini menunjukkan, pengaruh media sosial yang sangat besar khususnya mempromosikan perkhidmatan kita kepada rakyat. Alhamdulillah, Sehingga kini RakanKKR telah dikembangkan mengikut peringkat zon iaitu:

- RakanKKR Lembah Kelang
- RakanKKR Zon Utara (Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis)
- RakanKKR Negeri Sembilan dan Melaka

- RakanKKR Zon Timur (Pahang, Kelantan dan Terengganu)
- RakanKKR Johor
- RakanKKR Sabah
- RakanKKR Sarawak

PENGURUSAN KEWANGAN DAN BILIK GERAKAN BANJIR (BGB)

32. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada KKR dan LLM yang telah menerima anugerah penarafan 4 bintang oleh Jabatan Audit Negara di dalam Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2014. Syabas saya ucapkan. Tidak lupa juga sekalung penghargaan dan terima kasih saya kepada Pasukan Bilik Gerakan Bencana Banjir (BGB) yang telah bertugas mengumpul dan menyalurkan maklumat kepada awam disepanjang musim bencana yang menimpa negara. Saya mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih di atas komitmen padu semua pegawai-pegawai yang terlibat memandangkan BGB sudah menjadi tumpuan dan rujukan oleh semua pihak.

Y.Bhg. Dato' Sri/Dato/Tuan/Puan,

PROGRAM TRANSFORMASI INDUSTRI PEMBINAAN (CITP)

33. Semua sektor ekonomi dijangka mencatat prestasi lebih baik dalam tempoh RMKe-11. KDNK negara diunjurkan berkembang sebanyak 10.3% setahun. Sumbangan sektor pembinaan kepada KDNK dijangkakan meningkat kepada 5.5% dalam tempoh RMKe-11 berbanding 3.4% pada tahun 2015. Selari dengan sasaran Kerajaan meningkatkan produktiviti pengeluaran dalam negara, produktiviti buruh

sektor pembinaan diunjurkan berkembang pada kadar 9.6% setahun di bawah RMKe-11 menyamai pertumbuhan RMKe-10.

34. Melalui Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) yang telah dilancarkan pada tahun lepas dan akan dilaksanakan bagi tempoh 2016-2020, sebanyak 4 teras utama, 18 inisiatif dan lebih 100 KPI telah ditetapkan di bawah CITP yang mensasarkan transformasi industri pembinaan ke peringkat yang lebih professional dan berdaya saing. Empat inisiatif utama tersebut adalah *Quality, Safety and Professionalism, Environmental Sustainability, Productivity* dan *Internationalization*.

35. Sehubungan itu, bagi menjayakan pelaksanaan CITP ini penggiat industri sendiri perlu memberikan komitmen melalui akujanji-akujanji atau pemeteraian kerjasama antara penggiat industri dan agensi Kerajaan dalam pelaksanaan CITP yang melibatkan lebih 400 penggiat industri.

PENUTUP

36. Tahun baru 2016 ini pastinya akan mempunyai cerita dan cabaran yang tersendiri. Dugaan dan cabaran yang datang mungkin berbeza dari apa yang pernah kita alami. Adalah penting untuk kita sama-sama mendepaninya dengan kesungguhan, keberanian dan penuh semangat perpaduan antara kita.

37. Akhir kata, dikesempatan ini saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan Selamat Hari Wilayah dan Selamat Tahun Baru Cina kepada semua warga yang berbangsa Cina. Semoga negara kita terus

kukuh, maju dan sentiasa di bawah payung kerahmatan oleh Allah SWT...Aamiin

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.